

## **Penghakiman HKM 2011 bermula**

Debaran untuk mengetahui siapakah para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI PETRONAS 2011 yang menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM300,000.00 tajaan PETRONAS sudahpun bermula.

Keputusan dijangka diketahui pada penghujung Mac depan apabila Malam Wartawan Malaysia 2012 dilangsungkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah diundang sebagai tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah.

Proses penghakiman bagi kategori media cetak sudahpun dimulakan. Bahan-bahan penyertaan telah diserahkan kepada panel hakim selepas majlis taklimat yang diadakan di Malaysian Press Institute (MPI) di Jalan Bukit Ledang, Kuala Lumpur pada 18 Januari 2012.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MPI, Datuk Chamil Wariya.

Antara lain dalam taklimat itu, beliau telah menerangkan kriteria penilaian produk-produk kewartawanan yang layak menyertai HKM 2011. Ia meliputi:

1. Topik – 30 markah
2. Mutu penyelidikan – 30 markah
3. Gaya penulisan dan bahasa – 20 markah
4. Sokongan kreatif (gambar, grafik) - 10 markah
5. Impak keseluruhan – 10 markah.

Pada majlis itu, 495 artikel yang menyertai HKM 2011 telah diserahkan kepada 10 orang hakim bagi kategori media cetak.

Butiran penyertaan/peserta adalah seperti berikut:

**BILANGAN ARTIKEL HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA  
2011 BAGI SETIAP KATEGORI MEDIA CETAK**

KATEGORI		BILANGAN ARTIKEL	BILANGAN PENYERTAAN
A	HADIAH WARTAWAN MUDA A.SAMAD ISMAIL	60	15
B	KEWARTAWANAN PERKHIDMATAN AWAM CEMERLANG	72	24
C	LAPORAN BERITA CEMERLANG	45	15
D	KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG	60	20
E	KEWARTAWANAN ANTARABANGSA CEMERLANG	27	9
F	PENULISAN RENCANA CEMERLANG	144	48
G	PENULISAN KOMENTAR/ KOLUMNIS/KRITIKAN CEMERLANG	33	11
H	KEWARTAWANAN ALAM SEKITAR CEMERLANG-PETRONAS	54	18
		495	160

Para hakim pula terdiri daripada wartawan-wartawan berpengalaman dan tokoh-tokoh akademik dalam bidang kewartawanan, media dan komunikasi pusat pengajian tinggi tempatan. Mereka ialah:

1. Pengerusi – P rofesor Dr. Mohd Safar Hasim iaitu Profesor Kewartawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau pernah menjadi wartawan dengan BERNAMA sebelum menyertai dunia akademik.

Ahli penal hakim

1. Datuk Rejal Arbee, wartawan veteran yang juga bekas Editor Kumpulan Berita Harian. Pernah menjadi Ketua Pengarang BERNAMA dan Ketua Pengarang akhbar the Sun. Kini fello di UKM. Kini seorang kolumnis dengan akhbar Berita Harian.
2. Profesor Dr. Ahmad Murad Mercan, Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Perak. Pernah mengajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang media. Selalu menyumbang tulisan dalam media arus perdana. Kini professor di UTP.

3. Profesor Dr. N. Kanthasamy, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak. Mengajar dalam bidang bahasa moden.
4. Profesor Dr. S. Kumaran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat di Jabatan Pengajian India.
5. Dr. Fan Pik Wah, Jabatan Pengajian Cina, Universiti Malaya.
6. Prof Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Arifin, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Pernah menjadi Ketua Jabatan Pengajian Media di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
7. Dr. Rahmat Ghazali, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Mengajar dalam bidang kewartawanan online. Juga seorang kolumnis dengan majalah bulanan Mastika, terbitan Kumpulan Utusan.
8. Chong Ling Guan, tenaga pengajar Akademi Kewartawanan Taima, sebuah pusat latihan kewartawanan untuk media Cina di Petaling Jaya Selangor.
9. Dr. Jeniri Amir, Ketua Jabatan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pernah menjadi Ketua Editor Utusan Sarawak sebelum menyertai dunia akademik. Pengarang buku yang prolific. Juga pernah menjadi guru.
10. Hamzah Sidek, bekas Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan dan pelbagai jawatan editorial yang lain di kumpulan yang sama. Juga seorang kolumnis dengan akhbar Mingguan Malaysia.

Bagi penyertaan bidang berita dan rencana video dan fotografi, penal-panel yang berasingan akan menilai karya-karya yang menyertai kategori itu.